

NILAI BELIA ORANG ASLI SELANGOR TERHADAP TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

W. A. Amir Zal, MSc

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

ABSTRAK

Pembangunan ICT yang dilaksanakan oleh Malaysia seolah-olah menyebabkan belia Orang Asli semakin jauh dari arus pembangunan perdana negara. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti nilai belia Orang Asli terhadap ICT. Seramai 24 orang belia Orang Asli dari kampung Orang Asli Bukit Lanjan dan Pulau Carey Selangor telah terlibat yang dipilih dengan menggunakan pendekatan variasi maksimum. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan triangulasi data yang mana data dikumpulkan dengan menggunakan sumber yang berbeza iaitu temu bual mendalam, temu bual kumpulan berfokus dan pemerhatian tidak turut serta. Hasil kajian mendapati belia Orang Asli mempunyai nilai khusus terhadap ICT. Nilai tersebut ialah nilai rangsangan, nilai keselamatan, nilai keakuratan, nilai universalisme dan nilai hedonisme. Justeru kajian menunjukkan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan telah berjaya disampaikan kepada belia Orang Asli. Oleh demikian, pembangunan ke atas Orang Asli perlu terus dilaksanakan berasaskan prinsip ketekalan dan berhemah.

Kata kunci: *belia orang asli, nilai, ICT*

ABSTRACT

The reason the Orang Asli youth is still far from being able to join the nation's mainstream development is due to the ICT development undertaken by Malaysia. A study was conducted to identify the level of understanding the value of ICT among the Orang Asli youth. A total of 24 Orang Asli youth from the village of Bukit Lanjan and Carey Island, Selangor was involved with the selected approach the maximum variety. The study uses the approach on triangulation data whereby the data was collected from different sources of in-depth interviews, focusing on group interviews and non-participating observations. The study results found that the Orang Asli youth have special value of ICT which are the value of stimulation, security, conformity, universalism and hedonism. Hence the study shows the development undertaken by the government has successfully delivered to Orang Asli youth. Therefore, the development of the Orang Asli should continue to be based on principles of consistency and prudent.

Keywords: *orang asli youth, values, ICT*

PENGENALAN

Orang Asli sering dianggap oleh banyak pihak sebagai masyarakat primitif yang kurang mementingkan pembangunan dan mereka juga dikenali sebagai golongan yang anti pembangunan (Hood Salleh, 1989). Oleh yang demikian, usaha membangunkan mereka menjadi sia-sia sahaja kerana mereka tidak akan menerimanya (William-Hunt, 1998). Sungguhpun pelbagai pembangunan telah dijalankan ke atas masyarakat Orang Asli, namun sebahagian besar dari pembangunan tersebut adalah bertujuan untuk memenangi hati Orang Asli terutamanya yang tinggal di kawasan hitam iaitu kawasan yang mempunyai pengaruh gerila komunis supaya sentiasa menyokong kerajaan. Kesannya, Orang Asli yang tinggal di kawasan pinggir bandar menerima peruntukan yang sedikit kerana kerajaan telah memberi tumpuan ke atas Orang Asli yang tinggal di pedalaman bagi tujuan keselamatan di kawasan hitam tersebut (Siti Nor Awang dan Juli Edo, 2003). Memang tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan sering melaungkan pembangunan yang holistik, akan tetapi menurut Hasan Mat Nor (1998), masyarakat peribumi tidak diintegrasikan ke dalam sistem ekonomi, sosial dan politik negara. Dalam pembangunan tersebut, masyarakat ini lebih kerap menjadi 'pemerhati' berbanding terlibat secara aktif untuk memberi sumbangan kepada negara dan menikmati pembangunan yang telah dilaksanakan. Ini menyebabkan Orang Asli kekal hidup dalam kemunduran.

Asnarulkhadi (2005) menyatakan bahawa komuniti Orang Asli dianggap terpinggir dan tidak diintegrasikan bersama dalam perkembangan dan arus perdana pembangunan negara. Mereka bukan sahaja tidak menikmati kemajuan tetapi juga dianggap tidak dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Keadaan keterpinggiran ini atau keterasingan agregat manusia ini juga berkemungkinan disebabkan oleh arus pembangunan perdana yang gagal membawa atau memasukkan mereka bersama sehingga menyebabkan mereka terpinggir.

Bukan setakat menyebabkan Orang Asli gagal untuk menikmati pembangunan negara, bahkan terdapat kes Orang Asli kehilangan hak milik tanah asal mereka melalui proses pembangunan di atas nama untuk mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat arus perdana (Nicholas, 2003). Walau bagaimanapun, menurut Omar Othman (2004), pembangunan yang dilaksanakan terhadap Orang Asli dilihat lebih banyak memberi impak positif berbanding negatif. Ini terbukti apabila keadaan Orang Asli yang berbeza selepas pembangunan dengan keadaan sebelum menerima pembangunan.

Kemakmuran Pembangunan ICT

Dalam era globalisasi ini, kebanyakan negara berlumba-lumba untuk mengambil manfaat dari ICT dengan cara membangunkan dan menggalakkan penggunaan ICT dalam kegiatan seharian rakyat mereka. Malaysia di antara negara yang telah membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk pembangunan ICT. Kesungguhan kerajaan untuk membangunkan ICT merupakan manifestasi dari kesedaran kerajaan tentang kekuatan yang ada pada ICT iaitu kemampuannya untuk memperkasakan dan membentuk generasi yang membangun (Kenny, 2002). ICT juga merupakan teknologi yang berkuasa dalam kepantasan dan keberkesanan untuk mengubah kualiti hidup masyarakat (Gani dan Cledes, 2006).

Menurut Musa Abu Hassan (2008), ICT lahir daripada dua konsep iaitu teknologi dan komunikasi. Teknologi ialah cara, peralatan, bahan atau perisian untuk melakukan, membuat atau membina sesuatu. Sementara itu teknologi maklumat merupakan kaedah, peralatan dan perisian yang terlibat dalam proses penjaanaan, pengurusan, penyebaran, pengurusan dan penyimpanan maklumat yang tidak terhad dalam bentuk tulisan atau teks sahaja. ICT merangkumi perkakasan, perisian, kandungan, aplikasi, bahan serta produk yang mempunyai atau membawa mesej, maklumat atau ilmu pengetahuan yang dapat akses dan digunakan.

Kesungguhan kerajaan untuk menggalakkan penggunaan ICT dalam kalangan masyarakat dapat dilihat melalui usaha kerajaan yang telah mempercepatkan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), membangunkan Malaysia sebagai hub ICT dan multimedia global serta mempertingkatkan kesedaran tentang ICT dalam kalangan penduduk melalui kempen di seluruh negara dan pendidikan ICT (Kerajaan Malaysia, 2001). Peranan dan tanggungjawab kerajaan dalam menyediakan kemudahan fizikal, prasarana, galakan serta polisi untuk menggalakkan penggunaan ICT tidak boleh dipandang ringan (Musa Abu Hassan, 2008). Kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi menggalakkan dan menyampaikan ICT di setiap lapisan masyarakat, di antaranya ialah kerajaan telah melaksanakan pembangunan infrastruktur untuk memudahkan akses yang menyeluruh serta menyediakan perkhidmatan dan produk ICT yang mampu beli. Bagi tujuan tersebut, beberapa inisiatif diambil seperti menubuhkan telecentre di kawasan luar liputan, semakan semula tarif langganan telefon dan Internet serta menggalakkan pemilikan komputer peribadi (Kerajaan Malaysia, 2006).

Namun, dicelah-celah keagresifan kerajaan menggalakkan penggunaan

ICT dalam kalangan masyarakat, belia Orang Asli terus ketinggalan dari arus pembangunan ICT tersebut. Bagaimana mungkin belia Orang Asli dapat menggunakan ICT dengan baik sedangkan mereka belum mendapat kemudahan asas yang sempurna (Hassan Mat Nor, 1998). Sungguhpun demikian, melalui pembangunan yang dijalankan ke atas mereka sama ada pembangunan khusus atau umum (Siti Nor Awang dan Juli Edo, 2003), belia Orang Asli telah didedahkan dengan pelbagai bentuk pembangunan termasuklah pembangunan ICT.

Walau bagaimanapun, penerimaan ICT dalam kalangan belia Orang Asli dipengaruhi oleh nilai yang dipegang oleh mereka. Nilai ialah kepercayaan yang berlanjutan tentang tatacara tingkah laku tertentu atau hasil akhir yang diutamakan sama ada personal atau sosial (Rokeach, 1973). Nilai juga memainkan peranan yang besar dalam menentukan tingkah laku dan sikap seseorang (Henry dan Reyna, 2007). Nilai belia Orang Asli telah banyak mengalami perubahan yang mana ia merupakan kesan langsung interaksi dengan persekitaran mereka yang telah menerima sentuhan pembangunan. Sungguhpun demikian, nilai belia Orang Asli dilihat sebagai kunci utama dalam menentukan reaksi terhadap ICT (Suzana, 2002). Sekiranya nilai belia Orang Asli tidak bersesuaian dengan ICT, sudah pasti mereka akan menolak ICT dan usaha kerajaan untuk merapatkan jurang digital akan gagal.

Nilai Manusia

Nilai dapat diperhatikan melalui apa yang dipentingkan dan diutamakan dalam kehidupan individu (Henry dan Reyna, 2007). Nilai memberi impak dalam setiap sistem dan interaksi yang membuatkan individu berkenaan seorang manusia (Suzana, 2002). Nilai dibentuk oleh dua hala dan bukannya satu hala, ini adalah kerana nilai dibentuk secara sosial, bersifat dinamik dan boleh dimanipulasikan apabila berhubung dengan persekitaran (Clammer, 1996). Menurut Horrobin (2006), nilai berasal dari individu dan individu tersebut mestilah memiliki ciri-ciri asas yang tertentu. Di antara ciri-ciri asas tersebut ialah mereka interaksi dengan persekitaran mereka. Pada umumnya, nilai adalah berkaitan dengan sesuatu yang sangat dikehendaki. Oleh itu, nilai melibatkan unsur komitmen dan melibatkan pemilihan. Higgins (2005) menyatakan bahawa nilai dibentuk melalui tiga proses iaitu (1) Proses sosialisasi yang mengongsi kepercayaan tentang objektif yang ideal dan membenarkan prosedur untuk mencapai perkara tersebut. (2) Nilai kebergunaan dan kepentingan dalam memenuhi keperluan berbanding lebih dari kepercayaan. (3) Nilai dibentuk melalui pengalaman terutamanya pengalaman keseronokan, selesa dan kesakitan.

METODOLOGI

Seramai 24 orang belia Orang Asli yang berumur 15 hingga 40 tahun telah dipilih sebagai informan kajian. Penyelidikan ini telah memilih dua perkampungan Orang Asli yang berbeza iaitu perkampungan Orang Asli Bukit Lanjan Damansara dan Pulau Carey Selangor. Kajian ini memilih perkampungan Orang Asli negeri Selangor kerana Selangor merupakan sebuah negeri maju dan terlibat dengan pembangunan yang agresif. Bagi memilih dua perkampungan Orang Asli yang berbeza tersebut, penulis telah mempertimbangkan tiga kriteria utama iaitu kedudukan perkampungan Orang Asli, pengalaman pembangunan dan ruang untuk berinteraksi dengan masyarakat lain. Pemilihan informan menggunakan pendekatan variasi maksimum iaitu menilai perbezaan latar belakang di antara informan seperti pendidikan, penempatan dan umur.

Pendekatan triangulasi data digunakan bagi memperoleh data yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Data diperoleh melalui aktiviti temu bual mendalam, temu bual kumpulan berfokus (focus group interview) dan pemerhatian tidak turut serta. Temu bual mendalam dan temu bual kumpulan berfokus dijalankan dengan menggunakan soalan semi berstruktur. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian komputer QSR Nvivo. Perisian komputer ini merupakan sebuah perisian yang dibina khas untuk mengurus dan menganalisis data kualitatif dengan lebih bersistematik, membantu penulis untuk menyimpan dan mengorganisasikan dokumen, menyelitkan idea dalam bentuk teks serta mengenal pasti pola idea penulis.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian dibincangkan dengan menggunakan teori nilai yang diperkenalkan oleh Schwartz (2006) yang mana Schwartz telah menyenaraikan sepuluh nilai iaitu (1) Hedonisme (2) Rangsangan (3) Tumpuan Kendiri. (4) Keselamatan (5) Universalisme (6) Kebaikan (7) Keakuran (8) Tradisi (9) Kuasa dan (10) Pencapaian. Walau bagaimanapun tidak semua sepuluh nilai tersebut dimiliki oleh belia Orang Asli, hasil kajian menunjukkan hanya lima nilai yang dimiliki belia Orang Asli terhadap ICT. Nilai tersebut ialah nilai rangsangan, nilai keselamatan, nilai keakuran, nilai universalisme dan nilai hedonisme.

Nilai-nilai tersebut diperoleh dengan mengikut kerangka Schwartz

(2006) iaitu nilai menonjol apabila ia diaktifkan. Penonjolan nilai tersebut bersangkutan langsung dengan kepentingan dalam kehidupan mereka (Horrobin, 2006) iaitu nilai yang lebih penting lebih diterima dan dimanifestasikan melalui tingkah laku manusia (Schwartz, 2006). Walau bagaimanapun, sesuatu nilai mungkin penting kepada seseorang itu dan mungkin tidak penting pada orang lain. Ini menunjukkan nilai yang dipegang adalah berbeza mengikut etnik (Nelson, 2004). Penemuan kajian ini bersesuaian dengan rumusan yang dibuat oleh Schwartz (2006) iaitu setiap manusia mempunyai banyak nilai dalam masa yang sama, namun pada tahap kepentingan yang berbeza-beza. Berikut merupakan perincian kelima-lima nilai belia Orang Asli terhadap ICT:

a. Nilai Rangsangan

Hasil kajian menunjukkan belia Orang Asli mempunyai nilai rangsangan terhadap ICT, nilai rangsangan menunjukkan individu atau masyarakat sukakan kejutan dan sentiasa mencari sesuatu yang baru untuk dilakukan. Mereka juga memikirkan bahawa penting melakukan pelbagai perkara berbeza dalam kehidupan serta suka mencari cabaran dan suka mengambil risiko. Mereka turut menunjukkan tingkah laku keterujaan dan menginginkan pembaharuan dalam hidup mereka. Hasil kajian menunjukkan belia Orang Asli bersikap teruja kepada ICT sebagaimana yang dinyatakan oleh informan:

“ICT memberi pelajaran barulah, kita kena belajarlah benda baru tu. Kira, ICT itu bagus untuk nak tahu segalanya. Kalau tak tahu ICT Orang Asli akan ketinggalanlah. Rugilah kalau tak belajar ICT, untuk hidup masa depan, zaman ni kena tahu dululah ICT. Sebab masa depan nanti dah tak bergantung pada hutan lagi, pupus dah. Orang Asli mesti kena guna ICT”

(Informan A, 2008).

Belia Orang Asli mempunyai nilai rangsangan yang membangkitkan keterujaan terhadap ICT yang mana nilai tersebut telah melahirkan persepsi, sikap (Henry dan Reyna, 2007), minat dan tingkah laku. Nilai rangsangan telah menjadi daya tolak kepada belia Orang Asli untuk menerima dan menggunakan ICT. Menurut Higgins (2005) nilai terbentuk di atas dorongan kebergunaan dan kepentingan dalam memenuhi keperluan dan melalui pengalaman terutamanya pengalaman keseronokan, selesa dan kesakitan. Belia Orang Asli memerlukan ICT kerana ia diperlukan dalam hidup mereka untuk pelbagai tujuan. Keperluan tersebut membangkitkan perasaan teruja dalam diri mereka untuk menerima ICT.

ICT telah membantu belia Orang Asli untuk mempelajari perkara baru, desakan ini menyebabkan belia Orang Asli sanggup mengambil risiko untuk mempelajarinya. Selain itu, belia Orang Asli melihat ICT mempunyai kepentingan untuk masa depan mereka, mereka menyedari bahawa keadaan hidup mereka pasti akan berubah pada hadapan iaitu dari cara hidup tradisional kepada cara hidup yang lebih moden. Belia Orang Asli turut melihat bahawa mereka sepatutnya mengubah gaya hidup mereka yang telah diwarisi kerana gaya hidup masa hadapan menuntut pengetahuan dan kemahiran yang jauh berbeza. Dalam masa yang sama belia Orang Asli turut didedahkan dengan kekuatan dan kepentingan pengetahuan ICT dalam mengubah kehidupan manusia, ICT juga diproyeksikan sebagai teknologi yang dapat memenuhi keperluan hidup mereka. Berdasarkan kebergunaan dan kepentingan ICT dalam memenuhi keperluan mereka kelak, nilai rangsangan telah membenarkan belia Orang Asli untuk menerima ICT dalam kehidupan mereka.

Keadaan tersebut dapat dilihat melalui kesungguhan belia Orang Asli untuk turut memiliki dan menggunakan ICT dalam hidup mereka seperti televisyen, telefon bimbit dan komputer. Melalui penggunaan ICT, mereka telah mempunyai pengalaman baru seperti pengalaman keseronokan, selesa dan pengalaman yang buruk. Menurut pemerhatian tidak turut serta yang telah dibuat, belia Orang Asli dapat menggunakan ICT dengan baik terutamanya teknologi yang ringkas dan mudah serta tidak memerlukan pengetahuan, kemahiran khusus seperti televisyen dan telefon bimbit. Penggunaan televisyen sebagai contohnya, belia Orang Asli menerima ICT tersebut kerana melihat ia menjadi pemangkin kepada perubahan dan pembaharuan dalam hidup mereka. Hidup mereka menjadi lebih baik melalui penerimaan maklumat yang bermanfaat sebagaimana yang dinyatakan oleh informan berikut:

“Melalui televisyen saya dapat mengetahui maklumat semasa, buat saya tahu apa yang jadi di sekitar saya, macam berita minyak naik, accident, perang, mengundi. Guna TV buat saya mudah dapat maklumat, TV memang pentinglah dalam hidup saya”

(Informan B, 2008).

Nilai rangsangan menjadi asas kepada minat belia Orang Asli untuk mengetahui keadaan persekitaran mereka. Belia Orang Asli melihat televisyen sebagai ICT yang membantu mereka untuk mengetahui tentang berita yang berlaku dalam persekitaran mereka. Penggunaan televisyen dalam kalangan belia Orang Asli bukan setakat hanya rancangan asas atau tidak berbayar sahaja, belia Orang Asli turut

memiliki perkhidmatan televisyen berbayar seperti Astro. Keadaan ini menunjukkan betapa nilai belia Orang Asli memandang tinggi terhadap televisyen kerana dipandu oleh nilai rangsangan. Nilai rangsangan mendorong belia Orang Asli untuk mencari pelbagai perkara berbeza dalam kehidupan mereka (Schwartz, 2006).

Begitu juga dalam pemilikan dan penggunaan telefon bimbit, telefon bimbit diterima secara meluas dalam kalangan belia Orang Asli kerana mereka didorong oleh nilai rangsangan. Telefon bimbit dilihat sebagai penting dalam hidup mereka, belia Orang Asli menjustifikasikan telefon bimbit sebagai ICT yang membantu mereka untuk menguruskan kehidupan seharian terutamanya dalam aktiviti ekonomi, menghubungkan silaturahim dan menghiburkan mereka.

“Handphone penting juga dalam hidup saya, kadang-kadang handphone tolong saya cari kerja, kawan-kawan bagitahu la kalau ada kerja. Yela, kalau tak ada handphone, macam mana saya nak telefon keluarga di tempat lain”.

(Informan C, 2008).

Belia Orang Asli bukan sahaja memahami bahawa telefon bimbit sebagai teknologi yang digunakan untuk berhubung bagi mengekalkan hubungan sosial, telefon bimbit turut mempunyai kepentingan bagi membantu mereka untuk menguruskan hidup mereka. Menurut pemerhatian tidak turut serta, hampir kesemua belia Orang Asli memiliki telefon bimbit. Mereka bergantung pada telefon bimbit untuk mudah menghubungi kawan-kawan mereka jika terdapat maklumat tentang pekerjaan dan sebagainya. Selain itu, belia Orang Asli teruja menggunakan telefon bimbit bagi tujuan hiburan seperti menggunakan khidmat permainan dalam telefon bimbit dan perkhidmatan lain seperti perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), MMS dan 3G. Belia Orang Asli menunjukkan minat yang tinggi dalam menggunakan perkhidmatan 3G dan mereka mampu menggunakannya dengan baik walaupun ia merupakan ICT yang baru dalam masyarakat Orang Asli. Informan juga telah menunjukkan kepada penulis cara mereka menggunakan perkhidmatan 3G. Ternyata belia Orang Asli telah pun beradaptasi dengan ICT tersebut, alasannya ialah mereka rasa teruja serta bersemangat untuk mengetahui dan menggunakan aplikasi ICT yang terbaru.

Penggunaan tersebut dilihat sebagai manifestasi dari dorongan nilai keterujaan untuk menggunakan teknologi yang telah digunakan oleh masyarakat umumnya. Keadaan ini sesuai kenyataan Schwartz (2006) iaitu nilai tersebut mempengaruhi perhatian, persepsi dan

penilaian terhadap situasi dan memandu manusia untuk mencari dan menghadirkan nilai yang relevan terhadap situasi yang khusus. Nilai rangsangan turut memainkan peranan yang besar terhadap penerimaan dan penggunaan komputer, belia Orang Asli menginginkan pembaharuan dalam hidup mereka. Belia Orang Asli telah mengenal pasti komputer sebagai teknologi yang boleh membantu mereka untuk mengubah hidup agar menjadi lebih baik dan ini merupakan kesan dari daya tolak nilai rangsangan yang membuatkan belia Orang Asli inginkan sesuatu yang berbeza dalam hidup mereka.

“Saya boleh terima ICT, macam komputer memang untuk kemudahan kitaoranglah, jadi minda kita jadi luas. Kalau orang luar boleh pakai komputer, orang kita pun nak pakai juga, cara kita nak luaskan lagilah minda kita. Mungkin kalau pakai komputer jadi majulah, boleh tahu cara nak buka Internet semua, ia perlu untuk belajar.

(Informan D, 2008).

Belia Orang Asli memiliki nilai rangsangan yang meyakinkan diri mereka bahawa komputer akan membawa sesuatu yang baru dalam hidup mereka dan mampu untuk mengubah hidup agar menjadi lebih baik. Dalam hal ini, belia Orang Asli membandingkan keadaan orang luar iaitu masyarakat lain yang dilihat sebagai lebih maju kerana telah menerima komputer dalam hidup mereka. Perbandingan tersebut telah membawa kepada perubahan nilai yang telah diterima pakai oleh belia Orang Asli selama ini. Perubahan nilai sesuatu masyarakat turut berlaku melalui proses peniruan terhadap individu atau masyarakat yang mempunyai nilai yang dianggap lebih berkuasa, mulia, baik dan tinggi (Ibn Khaldun, 2000). Dalam dimensi yang hampir sama, Rokeach (1973) turut menyatakan perubahan nilai berlaku diakibatkan oleh rasa tidak puas hati dengan nilai yang sedia ada berbanding dengan nilai lain yang mana dilihat sebagai lebih baik. Pemilikan nilai rangsangan oleh belia Orang Asli telah mengubah cara mereka berfikir dan bertingkah laku terhadap komputer. Belia Orang Asli meyakini penggunaan komputer mampu mengubah hidup mereka menjadi lebih dan lebih maju melalui perolehan maklumat serta membantu menguruskan hidup mereka terutamanya dalam penyertaan dengan sistem pendidikan.

b. Nilai Keselamatan

Nilai keselamatan merujuk kepada nilai yang inginkan keharmonian, kestabilan masyarakat dan diri serta menjaga silaturahim dalam masyarakat. Manusia berasa penting untuk hidup dalam persekitaran yang selamat serta sentiasa mengelak apa-apa yang

boleh membahayakan keselamatan diri dan masyarakatnya. Hasil kajian ini telah menemui bahawa belia Orang Asli turut mempunyai nilai keselamatan diri dan masyarakatnya yang mana belia Orang Asli telah menunjukkan minat terhadap pembangunan ICT kerana mereka rasa bimbang akan terus ketinggalan dari arus pembangunan negara terutamanya pembangunan ICT. Menurut Junaenah dan Nor Azizan (2005), perubahan yang membawa unsur-unsur dan nilai baru boleh mempengaruhi pembentukan satu bentuk budaya yang telah disesuaikan dan disalurkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Satu-satu budaya itu akan terus berubah-ubah untuk diadaptasikan mengikut keperluan dan tuntutan sistem sosial yang wujud. Menurut informan:

“Dengan belajar ICT ia dapat menjaga Orang Asli dari dianiyai oleh orang lain. Di sana saya dapat mengongsi pengetahuan dan pendapat saya. ICT dapat membantu pihak-pihak Orang Asli menerusi ICT ini kerana pihak-pihak Orang Asli ini apabila mereka ingin mengongsi masalah mereka biasanya secara bersuara which is face to face. Melalui ICT mereka boleh suarakan masalah mereka dengan lebih berkesan, mudah dapat sokongan dengan banyak. Saya rasalah, ICT sangat-sangat membantu Orang Asli untuk mengongsi masalah dan isu-isu semasa”.

(Informan E, 2008).

Pembentukan nilai untuk menerima dan menggunakan ICT dalam kalangan belia Orang Asli adalah bersyarat yang mana belia Orang Asli melihat kepentingan ICT dapat membantu mengetengahkan masalah yang dihadapi oleh mereka dengan cara lebih berkesan dan meluas. Selama ini masyarakat Orang Asli sering menghadapi pelbagai masalah dalam kehidupan mereka termasuklah masalah ekonomi (Hunt, 1998), pendidikan (Juli Edo, 2006), kehilangan hak milik tanah asal mereka atas nama pembangunan (Nicholas, 2003), ketinggalan dari arus pembangunan negara (Ramle, 2007) dan banyak lagi masalah lain yang masih belum menemui penyelesaiannya.

Setelah mengalami pelbagai pengalaman yang menyakitkan, manusia mencari nilai yang sesuai bagi menjaga keselamatan hidup mereka (Higgins, 2005). Pendedahan kepada ICT dengan kepentingan dan kelebihanannya telah membuatkan belia Orang Asli memilih untuk menerimanya terutamanya untuk menjaga keselamatan hidup mereka dan generasinya seterusnya. Ini bermaksud penerimaan dan penggunaan ICT dalam kalangan belia Orang Asli adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan mereka, atas desakan inilah terbentuknya nilai keselamatan dalam diri mereka kerana penting bagi mereka untuk

hidup dalam persekitaran yang selamat. Nilai tersebut juga dibina secara dorongan bagi mencapai sesuatu matlamat manusia (Schwartz, 2006).

Namun, belia Orang Asli tidak melihat ICT sebagai ancaman kepada budaya dan nilai sedia mereka. Penerimaan nilai keselamatan ini langsung tidak menimbulkan kebimbangan pada belia Orang Asli bahawa budaya dan nilai tradisi mereka akan dilupakan. Apa yang lebih penting bagi mereka ialah hak-hak mereka terjaga dan dipelihara. Dalam masa yang sama, dengan penggunaan ICT, mereka boleh menyuarakan hak mereka yang telah ditindas selama ini. Ini menunjukkan kepentingan semasa melebihi nilai yang sedia ada dan kepentingan tersebut telah membentuk nilai baru yang lebih penting dari nilai lama yang tidak mampu mempertahankan kepentingan hidup mereka (Horrobin, 2006).

c. Nilai Keakuran

Nilai keakuran merupakan kepercayaan manusia bahawa mereka sepatutnya melakukan apa yang majoriti orang lain kata dan lakukan. Mereka percaya bahawa mereka patut mengikut peraturan setiap masa. Adalah penting untuk sentiasa bertingkah laku sebagaimana manusia lain termasuklah menerima tingkah laku masyarakat lain. Mereka juga sentiasa cuba untuk mengelak dari membuat perkara yang akan dikatakan salah oleh masyarakat. Dalam hal ini, hasil kajian menunjukkan belia Orang Asli mempunyai nilai keakuran, atas daya tolak inilah belia Orang Asli dapat menerima dan menggunakan ICT sebagaimana masyarakat lain kerana secara umumnya manusia mengadaptasikan nilai mereka mengikut keadaan hidup mereka (Schwartz, 2006). Belia Orang Asli melihat kepentingan ICT secara realistik yang mana ICT mempunyai tempat yang penting dalam kehidupan seharian manusia, manusia pada era sekarang ini bergantung dengan ICT untuk menyelesaikan urusan harian mereka bahkan ICT sudah menjadi keperluan dalam hidup manusia. Dengan keadaan tersebut, belia Orang Asli mengakui kepentingan dan keperluan ICT dalam kehidupan seharian mereka:

“Memang patut Orang Asli terima ICT, memang patut dipatutkan. Sekarang ni kita hidup ni apa-apa pun guna ICT kan? Contohnya kalau kita pergi bank walaupun simple pun, kita nak pergi cucuk duit pun guna ICT juga. Memang untuk kemudahan hidup Orang Asli, kita mesti guna kalau tidak kita akan ketinggalan, mundur”

(Informan F, 2008).

Nilai keakuran terbentuk hasil dari pengalaman hidup seharian mereka, kebanyakan keperluan hidup Orang Asli yang tinggal di bandar dan pinggir bandar kini bergantung dengan ICT. Kebergantungan ini mendesak belia Orang Asli untuk akur dengan keadaan tersebut terutamanya apabila berhadapan dengan kesukaran untuk memenuhi keperluan mereka seperti urusan dalam jual-beli, berkomunikasi dan sebagainya. Desakan demi desakan yang diterima oleh belia Orang Asli dari persekitaran tersebut telah mengubah nilai belia Orang Asli untuk turut serta dalam penggunaan ICT bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Menurut Higgins (2005), nilai terbentuk kesan dari nilai kebergunaan dan kepentingan dalam memenuhi keperluan dalam kehidupan manusia. Pembentukan nilai keakuran terhadap ICT merupakan kesan dari kepentingan dan keperluan ICT dalam hidup belia Orang Asli.

Berdasarkan pemerhatian tidak turut serta, belia Orang Asli berasa terdesak dengan persekitaran mereka yang telah membangun, mereka menginginkan pembangunan sebagaimana yang dinikmati oleh masyarakat lain sehinggakan mereka mengikut cara hidup masyarakat lain dalam penggunaan teknologi yang mampu dimiliki dan diguna oleh mereka seperti memiliki televisyen dan telefon bimbit atas nama pembangunan. Bagi belia Orang Asli yang mampu, mereka memiliki komputer atau menggunakannya di tempat-tempat yang menyediakan komputer seperti kafe siber. Mereka menggunakan ICT tersebut kerana mereka akur bahawa ICT tersebut mampu mengubah kehidupan mereka agar menjadi lebih baik.

Selain itu menurut Ledgerwood, Liviatan dan Carnevale (2007), nilai yang berada dalam identiti seseorang dipengaruhi oleh kekuatan identiti kumpulannya, realitinya kini identiti Orang Asli yang tinggal di bandar dan pinggir bandar terpaksa berhadapan dengan nilai baru yang telah diterima masyarakat umum tentang kepentingan dan keperluan terhadap ICT. Keadaan ini telah menyebabkan belia Orang Asli mengakuri bahawa ICT telah membawa perubahan dan kemajuan kepada masyarakat lain. Oleh yang demikian, sekiranya belia Orang Asli turut mengikut jejak langkah tersebut mereka akan berjaya dan maju sebagaimana masyarakat lainnya.

“Saya boleh terima pengetahuan ICT, macam orang cakaplah, era globalisasi. Tapi kalau Orang Asli terus duduk di hutan, Orang Asli akan terus tak maju. Semua tu kena, nak tak nak semua tu kena terima ICT. Orang Asli kena terima ICT untuk kemajuan juga, kalau kita guna ICT kita dapat tahu tentang dunia luar, lagipun kita bersaing juga dengan orang lainkan. Orang Asli mesti terima ICT

untuk kemajuan, orang lain pun maju kerana guna ICT”.

(Informan G, 2008)

Belia Orang Asli sedar bahawa persekitaran mereka mempunyai nilai yang bertentangan dengan nilai mereka yang mereka pegang selama ini iaitu nilai tersebut mengakui kepentingan ICT dalam hidup mereka. Kehidupan mereka yang masih mengamalkan gaya hidup yang 'simple' seperti pergantungan pada hutan dan hidup tanpa kemudahan prasarana sebagaimana yang dinikmati oleh masyarakat lain. Kehidupan tersebut telah menghalang mereka untuk turut serta dengan arus pembangunan negara, kesedaran ini lahir dari nilai keakuran yang telah diterima oleh belia Orang Asli.

Belia Orang Asli turut sedar bahawa masyarakat lain telah menerima ICT, oleh itu sama ada dengan rela atau paksa, mereka mesti menerima keadaan yang sedang berlaku di persekitaran mereka. Ini adalah kerana, menurut Abdul Rahman Embong (2006), nilai sebagai sebahagian daripada sistem budaya tidak statik, nilai boleh berubah-ubah lebih-lebih lagi di bawah dampak globalisasi. Penerimaan masyarakat lain terhadap ICT yang telah membuat mereka menjadi maju dan berjaya dalam kehidupan, keadaan tersebut telah mendorong belia Orang Asli untuk akur dan terima bahawa ICT penting dan perlu dalam kehidupan mereka. Penerimaan dan penggunaan ICT dilihat mampu untuk mengubah hidup mereka serta menyumbang kepada kekuatan daya saing mereka dengan masyarakat lain untuk turut menguasai maklumat. Ini menunjukkan bahawa hubungan sosial merupakan penyebab kepada pembentukan dan pengekalannya sesuatu nilai dan pembangunan juga membawa kepada perubahan nilai (Ismail Hamid, 1998).

Walau bagaimanapun nilai keakuran tersebut terbentuk berserta dengan syarat yang khusus, iaitu pembangunan ICT mesti tidak mengorbankan hak-hak mereka terutamanya hak terhadap tanah yang telah didiami oleh mereka sejak sekian lama. Ini bermaksud, penerimaan nilai baru tidak berlaku dengan mudah, kerana sesuatu nilai lazimnya dilindungi atau dijaga oleh komuniti tersebut (Reidpath, Kit, Gifford dan Allotey, 2005). Sungguhpun demikian, nilai keakuran terhadap realiti persekitaran telah menyebabkan belia Orang Asli sanggup mengubah nilai mereka dengan mengenakan syarat tertentu.

“Kita boleh terima pembangunan ICT, kerajaan buat pembangunan ICT pun untuk kebaikan Orang Asli jugalah, tapi tetaplah kena jaga hak kami.”

(Informan H, 2008)

Belia Orang Asli mempunyai keinginan untuk turut serta dalam pembangunan negara, terutamanya dalam program-program yang mengenalkan dan memahirkan mereka penggunaan ICT. Mereka meluahkan rasa tidak puas hati dengan program-program pengetahuan ICT yang pernah dibuat oleh pelbagai pihak namun gagal kerana dilaksanakan tanpa perancangan yang bersistematik dan tidak konsisten. Tindakan tersebut dizahirkan kerana belia Orang Asli percaya ICT mampu mengubah hidup mereka sebagaimana ICT telah mengubah hidup masyarakat lain dan telah menjadi maju terutamanya dalam kecanggihan mendapatkan maklumat dan kepantasan untuk berkomunikasi (Gani dan Clemes, 2006). Belia Orang Asli mempunyai nilai keakuran yang ditunjukkan melalui tingkah laku beradaptasi dengan pembangunan ICT. Walau bagaimanapun, tingkah laku tersebut tetap ditonjolkan bersama dengan sikap kewaspadaan kerana dalam masa yang sama mereka tetap mahu memastikan hak mereka dapat dipelihara. Sungguhpun dengan bersyarat, belia Orang Asli sanggup mengubah nilai yang telah dipegang mereka selama ini. Ia menunjukkan nilai bukanlah sesuatu yang bersifat statik (Wan Hashim dan Ismail Hamid, 1998).

d. Nilai Universalisme

Nilai universalisme merujuk kepada proses berfikir agar setiap individu dalam dunia sentiasa mendapat keadilan serta percaya bahawa setiap individu harus mendapat peluang yang sama dan seimbang dalam kehidupan. Individu tersebut sentiasa percaya bahawa manusia sepatutnya mengambil berat terhadap alam sekitar mereka. Oleh yang demikian, mereka cuba memahami, menghargai, bertoleransi dan menjaga kebajikan kesemua manusia. Hasil kajian menunjukkan belia Orang Asli mempunyai nilai universalisme terhadap ICT, nilai jenis tersebut dimanifestasikan melalui tingkah laku mereka yang menerima ICT kerana mempercayai kegunaan ICT akan memberi keseimbangan hidup mereka.

“ICT memang sangatlah baik untuk Orang Asli, Orang Asli mesti dapat ICTlah, patut belajar. Dengan tahu ICT, keseimbangan Orang Asli dengan kaum-kaum lain yang sudah maju akan jadi. Kalau ada ICT Orang Asli boleh pergi jauh lagilah. Dengan guna ICT kita dapat maklumat-maklumat, dengan dapat tahu maklumat hak kita dapat dijaga, dapat rasa macam orang lain rasa. Sebab sekarang ni kalau nak bangun pun banyak guna ICT kan”

(Informan I, 2008)

Belia Orang Asli percaya bahawa penggunaan ICT akan membawa keseimbangan dalam masyarakat Orang Asli kerana mereka sedar bahawa mereka telah lama ketinggalan dalam banyak perkara berbanding dengan masyarakat lain terutamanya dalam pengetahuan ICT. Bagi mengembalikan keseimbangan pembangunan di antara masyarakat Orang Asli dan masyarakat lain, belia Orang Asli percaya bahawa pengetahuan dan pembangunan ICT merupakan teknologi yang perlu diambil perhatian. Dengan menggunakan ICT, belia Orang Asli akan memperoleh maklumat yang mampu mengubah kehidupan mereka. Berdasarkan pemerhatian, belia Orang Asli berusaha untuk menggunakan ICT bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat. Di antaranya ialah melalui penggunaan televisyen bagi mendapatkan maklumat terkini yang berlaku dalam dan luar negara. Bagi mereka, pemerolehan maklumat terbaru adalah penting bagi mempersiapkan diri mereka dengan persediaan-persediaan yang bersesuaian sebagaimana yang sering dilakukan oleh masyarakat lain dalam arus pembangunan perdana negara.

Nilai universalisme turut memandu belia Orang Asli untuk sentiasa memikirkan masa depan generasi mereka agar sentiasa hidup dengan sejahtera dan mampu mengikuti perubahan yang berlaku dalam negara. Kenyataan ini disokong oleh kenyataan informan yang berbunyi:

“Komputer penting untuk anak-anak sebab boleh menolong membantu anak-anak kita belajarlah, boleh tolong untuk belajar lebih tinggilah. Nak atau tidak Orang Asli mesti terima ICT kalau tidak Orang Asli akan mundur. Untuk masa depan merekalah (anak-anak) esok, bukan untuk masa nila. Mungkin masa depan nanti tak macam ni dah. Orang Asli mesti guna ICT, saya nak anak-anak saya habis belajar, boleh guna ICT untuk bangunkan diri, bangunkan Orang Asli juga.”

(Informan J, 2008)

Nilai universalisme jelas menunjukkan telah dapat memandu fikiran dan tingkah laku belia Orang Asli untuk menerima ICT untuk kegunaan mereka dan generasi pelapis mereka. Pengetahuan ICT dilihat mampu membekalkan generasi mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan pada zaman mereka agar dapat hidup seimbang dan seiring dengan masyarakat lain. Nilai tersebut mendorong belia Orang Asli untuk berfikir dan bertindak demi kepentingan dan keperluan masa depan serta generasi mereka.

Pengalaman dalam berinteraksi dengan pembangunan di persekitaran membuatkan mereka yakin bahawa ICT diperlukan dalam menjaga

kelangsungan hidup mereka. Selain itu, nilai universalisme turut melonjakkan nilai pendidikan dalam kalangan belia Orang Asli supaya menilai kembali serta menerima sistem pendidikan yang telah diterima oleh masyarakat umumnya. Penilaian terhadap sistem pendidikan yang terdapat dalam sistem sosial masyarakat dipandu oleh nilai universalisme yang akan menjamin kesejahteraan generasi Orang Asli kelak. Ini menunjukkan pendidikan memainkan peranan yang besar dalam pembentukan nilai (Clammer, 1996) sama ada memainkan peranan secara langsung atau secara tidak langsung.

e. Nilai Hedonisme

Nilai Hedonisme berakar umbi dengan desakan keseronokan dan mahukan kepuasan serta sentiasa mencari peluang untuk berseronok. Penting bagi diri seseorang untuk melakukan sesuatu yang memberi keseronokan pada dirinya. Penggunaan ICT untuk tujuan hiburan merupakan satu perkara biasa dalam era ICT sekarang ini, kerana kebanyakan bahan yang disediakan dalam ICT seperti televisyen, Internet dan aplikasi ICT lain menyediakan peluang kepada golongan belia untuk asyik dengan hiburan (Azimi, Turiman dan Ezhar, 2000 dan Samsudin dan Latifah, 2000). Hasil kajian menunjukkan belia Orang Asli turut mengikut rentak tersebut dalam menggunakan ICT dalam hidup mereka. Ini menunjukkan nilai hedonisme sudah menjadi pegangan belia Orang Asli sebagaimana yang dinyatakan oleh informan berikut:

“ICT ni banyak boleh guna, cari maklumat pun boleh, tengok CD pun boleh. Tapi yang saya minat tu main game lah. Macam-macam, main bola dalam komputer, perang komputer. Guna handset pun boleh main game. Untuk hilang boringlah, tapi kadang-kadang ada juga lekat lama dengan benda gitu”

(Informan J, 2008)

Menurut Higgins (2005), nilai dibentuk melalui pengalaman terutamanya pengalaman keseronokan, selesa dan kesakitan. Pendedahan terhadap ICT yang membawa kepada keseronokan dan hiburan telah menarik belia Orang Asli untuk mendekatinya dan seterusnya menggunakan ICT. Hampir kesemua ICT mempunyai aplikasi hiburan yang menggalakkan lagi pengguna tertarik untuk menggunakannya. Sebagai contohnya, telefon bimbit menjadi alat hiburan yang popular kerana di dalamnya terdapat perisian yang digunakan untuk hiburan selain digunakan untuk komunikasi. Begitu juga dengan penggunaan televisyen yang dinyatakan oleh informan berikut:

“Saya dapat banyak maklumat dari TV, banyak tentang berita, maklumat baru-baru. Tapi yang best dalam TV ni cerita-ceritalah. Macam nyanyi-nyanyi pun ok jugak, boleh hilang boring. Tapi gitulah, banyak hiburan dalam TV, jadi saya suka tengok TV lah. Dalam TV tak delah pendidikan sangat, hiburanlah best, macam yang nyanyi dan movielah”.

(Informan K, 2008)

Penggunaan televisyen dalam kalangan belia Orang Asli banyak dipengaruhi oleh nilai hedonisme iaitu keinginan untuk menikmati keseronokan. Sungguhpun belia Orang Asli mengakui bahawa televisyen turut memuatkan unsur pendidikan, namun penggunaan televisyen bukanlah didesak oleh keinginan untuk mendapatkan maklumat untuk pendidikan namun untuk hiburan dan keseronokan. Berdasarkan pemerhatian, kenyataan informan banyak benarnya, kebanyakan kawasan perumahan yang didiami oleh Orang Asli mempunyai perkhidmatan televisyen berbayar iaitu Astro. Kebanyakan generasi belia Orang Asli asyik menggunakan komputer untuk hiburan seperti untuk main permainan komputer, menggunakan perkakasan CD driver untuk menonton cerita dan sebagainya. Bertitik tolak dari nilai hedonisme belia Orang Asli tetap menggunakan ICT dalam kehidupan mereka.

KESIMPULAN

Belia Orang Asli mempunyai nilai sebagaimana dimiliki oleh masyarakat moden, ini menunjukkan bahawa mereka sepatutnya dilihat sebagai ‘manusia’ dan bukannya sebagai objek dalam usaha untuk mengisi pembangunan. Belia Orang Asli juga mempunyai nilai sebagaimana masyarakat lain dan nilai tersebut menyediakan skema fikiran, sikap, tingkah laku dan norma bagi memberi respons terhadap perkara baru di sekeliling mereka. Nilai tersebutlah memandu belia Orang Asli untuk menerima atau menolak pengetahuan ICT. Kewujudan nilai terhadap ICT menunjukkan bahawa elemen difusi inovasi telah berlaku dalam kalangan belia Orang Asli yang mana menurut Rogers (2003); Rogers dan Shoemaker (1971) pemilikan nilai terhadap sesuatu perkara yang khusus menunjukkan bahawa proses inovasi telah berlaku, ia dikomunikasikan dari individu ke individu yang lain dan berlaku dalam kalangan ahli dalam sistem sosial.

Namun secara keseluruhannya, kesemua nilai tersebut dibentuk dan dibina secara sosial (Clammer, 1996) iaitu peranan sosial di sekeliling belia Orang Asli telah memberi peluang kepada pembentukan nilai

yang khusus terhadap ICT dalam kalangan belia Orang Asli. Ini membuktikan bahawa sesuatu nilai adalah kesan dari perkongsian bersama dan bukan milik individu (Wan Hashim dan Ismail Hamid, 1998). Sementara itu, nilai turut dibentuk berdasarkan nilai kebergunaan dan kepentingan dalam memenuhi keperluan.

Pengalaman yang diperoleh belia Orang Asli melalui interaksi dengan persekitaran terutamanya dengan program pembangunan kerajaan telah membuahkan hasilnya. Belia Orang Asli mula menunjukkan bahawa mereka mempunyai nilai yang positif terhadap ICT. Nilai-nilai tersebut membolehkan belia Orang Asli mendekati, mempelajari dan menggunakan ICT dalam hidup mereka. Keadaan ini semestinya memberi kesan positif kepada Orang Asli kerana golongan belia mereka berupaya untuk mengikut rentak serta berasimilasi dengan pembangunan arus perdana sebagaimana yang dinikmati oleh masyarakat lain. Justeru, kerajaan perlu meneruskan pembangunan ke atas Orang Asli namun ia haruslah konsisten dan bersistematik.

RUJUKAN

- Asnarulkhadi A. S. (2005). Orang Asli: Mengarusperdanakan Pengguna Minoriti. Dalam Nurizan Yahya, Mohd Amim Othman & Sharifah Azizah H. (pnyt), *Pengguna dalam Pembangunan* (hal. 264-276). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Azimi, H., Turiman, S. & Ezhar, T. (2000). Gaya Hidup dan Gaya Fikir Belia dalam Pembangunan Negara. Dalam *Belia dalam Menghadapi Alaf Baru* (hlm. 57-61). Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Clammer, J. (1996). *Values Development in Southeast Asia*. Bukit Lanjan Jaya: Pelanduk Publications.
- Gani, A. & Clemes, M. D. (2006). Information and Communications Technology: A Non-income Influence on Economic Well Being. *International Journal of Social Economics*. 33 (9), 649-662.
- Hasan Mat Nor (1998). *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*, Kertas Kadangkala Bil. 8. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Henry, P. J. & Reyna, C. (2007). Value Judgments: The Impact of Perceived Value Violations on American Political Attitudes. *Political Psychology*, 28 (3), 273-298.

- Higgins, E. T. (2005). Value from Regulatory Fit. *American Psychological Society*. 14 (4), 209-213.
- Hood Salleh (1989). Arah dan Peranan Orang Asli dalam Masyarakat Malaysia Moden. Kertas kerja Persidangan Pembangunan Orang Asli Semenanjung Malaysia. Anjuran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian dalam Negeri. 09-11 November 1989.
- Horrobin, S (2006). The Value of Life and the Value of Life Extension. *New York Academy of Sciences*, 1067, 94–105.
- Horrobin, S. (2006). Immortality, Human Nature, The Value of Life and The Value of Life Extension. *Journal compilation Blackwell Publishing Ltd.*, 20 (6) 279–292.
- Ibn Khaldun (2000). Mukadimah (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid (1998). Agama dan Kepercayaan. Dalam Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid (pnyt.). Nilai Budaya Masyarakat Desa; Kajian Etnografi di Wang Kelian, Perlis (hal. 43-57). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenny, C. (2002). Information and Communication Technologies for Direct Poverty Alleviation: Costs and Benefits. *Development Policy Review*. 20 (2), 141-157.
- Kerajaan Malaysia (2001). Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Kerajaan Malaysia (2006). Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Ledgerwood, A., Liviatan, I. & Carnevale, P. J. (2007). Group-Identity Completion and the Symbolic Value of Property. *Association for Psychological Science*, 18 (10), 873-878.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin I. L. (2006). Hubungan Etnik di Malaysia. Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Media Sandra Kasih (2004). Kata Sapaan Bahasa Minangkabau Cerminan Adat dan Sistem Sosial; Siri monograf Sains Sosial. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Musa Abu Hassan (2008). Inaugural Lecture Series; Memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk Semua. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Nelson C, (2004). Asian Value and Aged Care. *Geriatrics and Gerontology International*, 4, 21–25.
- Nicholas (2003). Mengaut Keuntungan daripada Orang Asli. Dalam Kua Kia Soong (pnyt). *Rakyat Dulu Untung Kemudian; Hak Komuniti-Komuniti Malaysia dalam Pembangunan* (hal. 34-48). Selangor: Suaram Komunikasi dan Strategic Info Research Development.
- Norizan Abdul Razak (2007). Inisiatif Merapatkan Jurang Digital dalam kalangan Masyarakat Malaysia. Pusat Kajian E-Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar Othman (2004). *Orang Asli dalam Politik dan Pembangunan di Pahang*. Tesis Master Sains, UPM.
- Ramle Abdullah (2007). Orang Asli Dalam Arus Pembangunan Nasional: Analisis Persepsi dan Penerimaan Terhadap Pembangunan dalam kalangan Orang Asli di Terengganu. Dalam Arshad Abd. Samad, Asmawati Suhid, Bahaman Abu Samah, Jamilah Othman, Jegak Uli, Mazanah Muhamad, Nobaya Ahmad dan Samsilah Roslan (pnyt), *Seminar Kebangsaan Sains Sosial: Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan Jilid 1* (hal. 105-119). Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) UPM.
- Reidpath, D. D., Kit, Y. C., Gifford, S. M. & Allotey, P. (2005). He Hath the French Pox': Stigma, Social Value and Social Exclusion. *Sociology of Health & Illness*, 27 (4), 468–489.
- Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of Innovations* (5th Ed.). New York: The Free Press.
- Rogers, E. M. & Shoemaker, F. F. (1971). *Communication of Innovations: A Cross-Cultural Approach*. New York: Free Press.
- Rokeach, M. (1973). *The Nature of Human Values*. New York: The Free Press.
- Samsudin A. Rahim & Latifah Pawanteh. The Emerging Lifestyle of Malaysian Youth: Implication of a Changing Media Environment. *Kertas Seminar dibentangkan dalam Symposium on Youth in the New Millennium*, Kuala Lumpur. Oktober 2000.
- Schwartz, S. H. (2006). *Basic Human Values: An Overview*. Basic Human Values: Theory, Methods, and Applications. Di muat turun pada 20 Mei 2008 dari <http://www.fmag.unict.it/>
- Siti Nor Awang & Juli Edo (2003). Isu Pembangunan dan Dampak Sosial dalam kalangan Masyarakat Orang Asli. Dalam Mohd Razali Agus & Yahya Ibrahim (pnyt.). *Penilaian Dampak Sosial* (hal. 278-290). Klang:

Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Suzana Mohd. Hoesni (2002). Perubahan Nilai, Rol dan Struktur dalam Keluarga. Dalam Jayaletchumi M., Informan F A. & Abdullah Al-Hadi (pnyt.). Keluarga dan Keibubapaan (hal. 25-37). Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia.
- Ting Kung Shiung & Woo Yoke Ling (2005). Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran dalam kalangan Guru Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional: Sikap Guru, Peranan ICT dan Kekangan / Cabaran Penggunaan ICT. Kertas Kerja Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 15 Oktober 2005.
- Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid (1998). Nilai Budaya Masyarakat Desa; Kajian Etnografi di Wang Kelian, Perlis. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- William-Hunt, A. (1998). Orang Asli dan Cabaran Pembangunan. Dalam Hasan Mat Nor (Ed.). Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan, Kertas Kadangkala Bil. 8 (hlm. 76-87). Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

